

**INTEGRITI GURU DALAM PELAKSANAAN PENTAKSIRAN
BERASASKAN SEKOLAH KURIKULUM STANDARD SEKOLAH
RENDAH DI EMPAT BUAH SEKOLAH RENDAH DI DAERAH TAMPOI,
JOHOR BAHRU**

ZALINAH BINTI MOHAMED

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Kurikulum dan Pengajaran)**

**Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

JANUARI 2014

DEDIKASI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Teristimewa buat Bonda dan Ayahanda

Hajah Samsiah bt Jaafar

Haji Mohamed bin Haji Mohd Amin

Terima kasih yang tidak terhingga kerana melahirkan, membesarkan dan menyayangi serta mendidik anakanda sehingga menjadi manusia dan insan yang berguna. Pengorbanan dan jasa kalian berdua tidak dapat anakanda balas walau seluruh dunia, segunung intan dan selautan permata anakanda persembahkan. Anakanda doakan moga Bonda dan Ayahanda sentiasa dirahmati dan diberkati Allah SWT.

Buat yang tersayang,

Terima kasih kerana sentiasa menyayangi dan memberi sokongan

Kesabaran menghadapi kesulitan dan kepayahan

Sentiasa hadir ketika diperlukan

Akan dikenang hingga akhir hayat

Keluarga tercinta,

Terima kasih atas segala dorongan dan kebaikan

Tenaga dan masa yang dikongsikan

Bersama tawa dan tangisan

Rakan-rakan seperjuangan

Adah Ucun, Rosni, Salmezi dan Hassan,

Jumpa anda di puncak kejayaan.

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT, pemilik dunia dan akhirat. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, pembawa cahaya kepada manusia dan makhluk. Syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas nikmat dan rahmat yang melimpah ruah yang diberikan kepada setiap hambaNYA. Hanya dengan izin dariNYA, penulisan Projek Sarjana ini dapat disempurnakan dengan baik.

Setinggi penghargaan diucapkan kepada penyelia projek ini Dr. Sanitah bt Mohd Yusof yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar sehingga terhasilnya penulisan ini. Segala dorongan dan cetusan idea bernas yang diberikan serta perangsang tanpa rasa jemu menjadi pemangkin dan pembakar semangat penghasilan hasil kerja ini. Teguran dan pandangan, kesabaran dan keikhlasan serta dedikasi yang ditunjukkan oleh beliau amat saya sanjungi. Tidak lupa juga kepada semua pensyarah dan tenaga pengajar Fakulti Pendidikan sepanjang saya mengikuti tempoh pengajian khususnya kepada pensyarah bagi kursus Kurikulum dan Pengajaran. Semoga Allah SWT sentiasa melimpahkan keberkatan dan rahmat ke atas kalian semua.

Buat rakan-rakan seperjuangan sepanjang tempoh dua tahun pengajian ini iaitu Nur Sua'adah, Rosni, Salmezi dan Hassan, mengenali kalian merupakan memori indah dalam hidup ini. Teruskan perjuangan demi agama dan negara. Inilah hasil penat lelah kita berjuang dalam usaha menimba ilmu yang tidak pernah berpenghujung. Akhir kalam, walau di mana kita berada, setinggi mana kita berdiri, ingatlah Allah setiap masa kerana Allah sentiasa bersama orang-orang yang sabar dan tidak berputus asa.

JAZAKALLAH

ABSTRAK

Kajian tinjauan yang dilakukan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap integriti guru dalam pelaksanaan Penilaian Berasaskan Sekolah berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru semasa pelaksanaan penilaian murid serta mengenal pasti usaha untuk meningkatkan integriti guru dalam proses penilaian murid berasaskan KSSR. Seramai 70 orang guru sekolah rendah di empat buah sekolah di sekitar Tampoi, Johor Bahru dipilih sebagai sampel kajian ini. Melalui kajian ini juga, pengkaji menghuraikan maksud integriti dalam konteks pendidikan dan penilaian murid berasaskan KSSR. Pengkaji juga menghuraikan ciri-ciri guru berkesan yang menjadi tonggak dalam amalan integriti semasa pelaksanaan penilaian. Dapatan kajian diperolehi melalui item-item soalan dalam borang soal selidik yang dibina oleh pengkaji. Kesemua data diproses dan dianalisis menggunakan *Statistic Package for Social Science (SPSS) Versi 17.0*. Kajian juga menunjukkan tahap integriti guru sekolah rendah kebangsaan ketika pelaksanaan penilaian murid berdasarkan KSSR berada pada tahap tinggi (min = 4.44). Pengkaji juga mendapati bahawa masalah integriti para guru juga didapati berada pada nilai min yang tinggi (min=4.67) sementara usaha untuk meningkatkan integriti dalam pelaksanaan penilaian berasaskan sekolah juga berada pada nilai min yang tinggi (min=4.20) menyatakan kesediaan diberi pendedahan tentang integriti dalam profesion perguruan. Pengkaji juga mengutarakan beberapa saranan dan cadangan penambahbaikan untuk para guru, pentadbiran sekolah, penggubal dasar pelajaran serta pengkaji-pengkaji masa akan datang bagi memantapkan lagi keberkesanan pelaksanaan KSSR.

ABSTRACT

The survey research that had been carried out is aim to identify the integrity level teacher in Penilaian Berasaskan Sekolah. It is an implementation based on Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) and identify to have assessment of current teacher integrity difference pupil based on experience teaches and also based on KSSR. A total of 70 primary school teachers in four schools around Tampoi, Johor Bahru had selected in this research sample. Through this study too, researcher explain the meaning of integrity in education context and pupils evaluation based on KSSR. Researcher also elaborated effective teacher features, which become pillar in practice integrity during the evaluation. This study obtained through question items in questionnaire form built by researcher. All data processed and analysed use the Statistic Package for Social Science (SPSS) Version 17.0. This research also showed the integrity level of the primary school teachers during the evaluation was at a high level (mean=4.44). Researcher also found that the teachers integrity problem were also high(mean=4.20) while effort to increase integrity in implementation school-based assessment also readiness given exposure on integrity in teaching profession. Researcher also stated a few proposals and improvement proposals for teachers, school administration, legislator education policy and time researchers to comea further stabilize KSSR implementation effectiveness.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xvi
	SENARAI SIMBOL/SINGKATAN	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Penyataan Masalah	5
	1.4 Persoalan Kajian	6
	1.5 Objektif Kajian	7
	1.6 Kepentingan Kajian	7
	1.7 Rasional Kajian	8

1.8	Skop dan Batasan Kajian	9
1.8.1	Definisi Konsep dan Operasional	9
1.8.2	Integriti	11
1.8.3	Pentaksiran Berasaskan Sekolah	12
1.8.4	Kurikulum Standard Sekolah Rendah	12
1.8.5	Guru	13
1.8.6	Pengalaman Mengajar	13
1.8.7	Penilaian Murid	14
1.9	Kesimpulan	14

II TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	16
2.2	Integriti	17
2.3	Elemen-elemen Integriti	19
2.4	Guru Berkesan	21
2.5	Ciri-ciri Guru Yang Berkesan	21
2.6	Guru dan Keguruan	24
2.6.1	Tanggungjawab Seorang Guru	26
	2.6.1.1 Tanggungjawab Terhadap Pelajar	27
	2.6.1.2 Tanggungjawab Terhadap Rakan Sejawat dan Profesion Perguruan	27
	2.6.1.3 Tanggungjawab Terhadap Masyarakat dan Negara	28

	2.6.1.4 Tanggungjawab Terhadap Ibu	
	Bapa	28
2.7	Kajian-kajian Tentang Integriti di Malaysia	29
2.8	Kesimpulan	31
III	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	33
3.2	Reka Bentuk Kajian	34
3.3	Proses Menjalankan Kajian	36
3.4	Lokasi Kajian	37
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	37
3.6	Instrumen Kajian	38
	3.6.1 Soal Selidik Bahagian A	39
	3.6.2 Soal Selidik Bahagian B	39
	3.6.3 Pengesahan Konstruk	41
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	43
	3.7.1 Prosedur Pengumpulan Data Kaji Selidik	44
3.8	Analisis Data	44
	3.8.1 Analisis Data Soal Selidik	45
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	46
3.10	Kajian Rintis	46
3.11	Kesimpulan	47

IV	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	48
4.2	Latar Belakang Responden	49
4.2.1	Jantina	49
4.2.2	Jenis Sekolah	50
4.2.3	Jawatan	51
4.2.4	Taraf Pendidikan	52
4.2.5	Tempoh Pengalaman Mengajar	53
4.3	Analisis Persoalan Kajian Pertama	54
4.4	Analisis Persoalan Kajian Kedua	56
4.5	Analisis Persoalan Kajian Ketiga	58
4.6	Dapatan Persoalan Kajian 1	59
4.7	Dapatan Persoalan Kajian 2	62
4.8	Dapatan Persoalan Kajian 3	66
4.9	Perbandingan Nilai Integriti Guru Dalam Pelaksanaan KSSR	68
4.10	Kesimpulan	69
V	PERBINCANGAN DAPATAN DAN KAJIAN	
5.1	Pendahuluan	70
5.2	Ringkasan Kajian	71
5.2.1	Perbincangan Dapatan Bahagian A	72
5.2.2	Perbincangan Dapatan Bahagian B	75

5.2.3	Tahap Integriti Guru Dalam Penilaian Murid Berasaskan KSSR	79
5.2.4	Perbezaan Tahap Integriti Guru Dalam Melaksanakan Penilaian Murid Berasaskan Pengalaman Mengajar	81
5.2.5	Usaha Untuk Meningkatkan Integriti Dalam Penilaian Murid Berasaskan KSSR	82
5.3	Cadangan-cadangan Penambahbaikan Kajian	83
5.3.1	Mengadakan Kursus Amalan Integriti Dalam Kalangan Guru	83
5.3.2	Penggunaan ICT Yang Lebih Efisen Dalam Kalangan Guru	85
5.3.3	Program Pementoran	86
5.3.4	Elemen Integriti Sebagai Silibus Kenaikan Pangkat	87
5.3.5	Kempen Amalan Integriti dan Bahan Rujukan Bersesuaian	88
5.3.6	Sistem Pentaksiran dan Penilaian Offline	88
5.4	Saranan Kajian Lanjutan	89
5.5	Kesimpulan	89
	RUJUKAN	91
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Bilangan Sekolah Dan Guru Terlibat Dalam PBS	38
3.2	Contoh Item Untuk Soalan Likert Yang Digunakan Pada Bahagian B	40
3.3	Pengesahan Konstruk Bagi Soalan Bahagian B Soal Selidik	41
3.4	Ringkasan Persoalan Kajian Dan Analisis Data	45
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	49
4.2	Taburan Responden Mengikut Jenis Sekolah	50
4.3	Taburan Responden Mengikut Jawatan	51
4.4	Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	52
4.5	Taburan Responden Mengikut Tempoh Pengalaman Mengajar	53
4.6	Integriti Guru Dalam Penilaian Murid Berasaskan KSSR	54
4.7	Masalah Yang Dihadapi Guru Dalam Pelaksanaan Penilaian Murid Berasaskan KSSR	56
4.8	Usaha Untuk Meningkatkan Integriti Dalam Pelaksanaan Penilaian Berasaskan Sekolah	58
4.9	Tahap Integriti Guru Mengikut Jantina	60

4.10	Tahap Integriti Guru Mengikut Jawatan	60
4.11	Tahap Integriti Guru Mengikut Taraf Pendidikan	61
4.12	Tahap Integriti Guru Mengikut Pengalaman Mengajar	62
4.13	Masalah Yang Dihadapi Guru Dalam Pelaksanaan Penilaian Murid Berasaskan KSSR	63
4.14	Usaha Untuk Meningkatkan Integriti Dalam Pelaksanaan Penilaian Berasaskan Sekolah	66
4.15	Integriti Guru Mengikut Pengalaman Mengajar	69
5.1	Taburan Kekerapan Tahap Integriti	72
5.2	Tahap Integriti Mengikut Jantina	73
5.3	Tahap Integriti Mengikut Jawatan	73
5.4	Tahap Integriti Mengikut Tahap Pendidikan	74
5.5	Tahap Integriti Mengikut Pengalaman	74
5.6	Kefahaman Guru dan Pengetahuan Tentang KSSR	75
5.7	Penghayatan Nilai-nilai Murni	76
5.8	Kesediaan Guru Mengikuti Latihan dan Kursus	77
5.9	Penilaian Dalam Pentaksiran	77
5.10	Akses dan Capaian Internet	78
5.11	Pelaksanaan Penilaian	78
5.12	Kendiri Guru	79

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Prosedur Kajian Yang Dijalankan Oleh Pengkaji	36

SENARAI SIMBOL

PBS	-	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
KSSR	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KBSR	-	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
PIN	-	Pelan Integrasi Nasional
UPSR	-	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
NGO	-	Badan-badan Bukan Kerajaan
FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	-	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
INTAN	-	Institut Tadbiran Negara
P & P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
IPTMa	-	Institut Pengajian Tinggi Malaysia
InTI	-	Inventori Nilai Integriti

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Guru merupakan aset utama dan pemangkin wadah perjuangan yang sangat penting untuk membina daya pemikiran yang kritis dan kreatif bagi membentuk dan menyediakan pelajar yang boleh menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan yang berlaku di sekeliling mereka. Sejalan dengan profesion keguruan yang semakin mencabar dan menuntut daya fikir yang bukan sedikit, integriti guru merupakan suatu perkara yang sering mendapat perhatian pelbagai pihak. Kehakisan nilai integriti dalam kalangan warga pendidik menyebabkan wujudnya pelbagai kepincangan yang meninggalkan kesan yang bukan sedikit. Jika selama ini warga guru dilihat semakin kurang peranannya di mata masyarakat, ia berkait rapat dengan integriti. Sebagai golongan yang diamanahkan oleh ibu bapa dan diberi kepercayaan untuk mendidik dan membentuk survival anak-anak mereka di masa hadapan, guru-guru harus membalas kepercayaan tersebut dengan keyakinan yang tidak berbelah bagi. Guru-guru merupakan insan anugerah Tuhan yang menurut pandangan ibu bapa dan masyarakat sangat mahir

dalam selok belok pendidikan. Kerapuhan nilai integriti dalam masyarakat kini semakin berleluasa. Kehakisan nilai dalam masyarakat yang dicerminkan oleh kakitangan awam dengan wujudnya jenayah kolar putih, gejala sosial, rasuah, diskriminasi, penindasan dan penyalahgunaan kuasa semakin parah (Mustafar Ali,2006). Kebanyakan ibu bapa masa kini tidak lagi melihat tugas guru untuk membentuk sahsiah anak-anak mereka kerana terlalu banyak isu yang berbangkit dari masa ke semasa. Ibu bapa masa kini lebih mempersoalkan pencapaian akademik anak-anak mereka berbanding perkara lain kerana inilah perkara yang ditekankan oleh pihak sekolah. Peperiksaan yang menjadi penentu aras kebolehan pencapaian anak-anak mereka.

Sehubungan itu, pihak kerajaan mengambil inisiatif untuk memantapkan nilai integriti dengan melancarkan Pelan Integrasi Nasional (PIN) di samping pelbagai dasar kerajaan sedia ada yang telah digubal dari masa ke semasa. Pelan ini bertujuan membangunkan masyarakat beretika dan dapat membezakan antara perkara yang betul dan salah manakala matlamat jangka panjang pelan ini adalah memenuhi cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu membentuk masyarakat yang mempunyai ciri-ciri moral dan etika yang kukuh, mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang kukuh. Mengikut Pelan Integriti Nasional (PIN,2004), integriti adalah kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi. Ia adalah berlandaskan etika dan pencerminan etika dalam tindakan seharian. Integriti merupakan konsep penting dalam pentaakulan etika (Widang & Fridlund, 2004) kerana integriti berkait rapat dengan pembentukan dan pengukuhan etika yang baik (Mahathir Mohamad, 1998).

Integriti sebenarnya membawa maksud yang luas yang merangkumi setiap aspek kehidupan manusia (Ismail,2009). Masyarakat kita hari ini memerlukan guru-guru yang berkualiti tinggi selaras dengan agenda negara melaksanakan Program Transformasi dan Model Baru Ekonomi. Tugas guru semakin hari semakin penting kerana bidang pendidikan memberi sumbangan besar dalam menentukan kejayaan sesebuah negara. Hakikat ini lebih relevan lagi dalam era siber di mana kemajuan dan kejayaan anak

bangsa bergantung kepada penguasaan ilmu dan teknologi (Tan Sri Muhiyiddin Yassin, 17 Mac 2011). Nilai ini juga amat bertepatan dengan ciri-ciri seorang guru yang berkesan dalam pengajarannya.

1.2 Latar Belakang Masalah

Dalam dunia pendidikan, sekolah rendah merupakan tahap terpenting dalam pendidikan formal seorang kanak-kanak. Pada tahap ini, perkembangan kanak-kanak adalah paling aktif dan menjadi faktor utama untuk kejayaan persekolahan menengah dan seterusnya ke peringkat lebih tinggi (Mohd. Johdi, 2008). Walau bagaimanapun, pada kebelakangan ini, kelemahan akademik dan prestasi para pelajar di sekolah rendah menjadi isu masyarakat yang serius (Hamidah, 2006). Ini terbukti dalam kajian Amir Hasan Dawi (2002) yang mendapati kegagalan murid di kawasan luar bandar dalam Ujian Penilaian sekolah Rendah (UPSR) adalah berpunca daripada kelemahan pelajar menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira) yang lazimnya diajarkan pada peringkat awal persekolahan. Kajian ini menunjukkan kurangnya keprihatinan guru terhadap anak-anak di peringkat awal pendidikan memungkinkan mereka menghadapi masalah kelemahan akademik berterusan. Kelemahan akademik ini bukan sahaja mempengaruhi aspek pendidikan individu pelajar itu sendiri malah dikhuatiri ia akan turut memberi kesan terhadap peribadi dan akhlak mereka. Ini berikutan hasil kajian Aminah Ayob, Mokhtar Ismail & Khadijah Zon (2003) yang mendapati bahawa guru sendiri kadang kala boleh menjadikan pelajar hilang disiplin. Maka, sebagai seorang guru yang berintegriti seharusnya sedar bahawa maruah guru dan profesion perguruan terletak di tangan guru sendiri (Azlina, 2008).

Guru yang berintegriti sahaja yang akan dapat memacu sesebuah organisasi ke arah perkhidmatan yang berkualiti yang menyumbang ke arah pembangunan negara dengan lebih berkesan. Dengan erti kata lain, integriti dalam diri seorang guru amat penting kerana masa hadapan pelajar, malah masa hadapan bangsa dan negara adalah

ditentukan oleh corak didikan yang disemai oleh guru-guru hari ini. Negara akan hilang daya saing dan ketinggalan dari kemajuan global sekiranya para guru tidak menjalankan tugas secara jujur, ikhlas dan penuh tanggungjawab. Ini selaras dengan matlamat negara untuk mewujudkan masyarakat yang bermoral, beretika, beriman, bertakwa dan berbudi pekerti luhur. Oleh itu, kerajaan memerlukan sebuah inventori yang sah dan sesuai dengan konteks pendidikan Malaysia untuk mengukur nilai integriti dalam diri setiap guru.

Kehakisan nilai integriti menyebabkan wujudnya pelbagai kepincangan pentadbiran dan salah laku di sektor swasta mahupun kerajaan. Integriti juga merupakan rumusan kepada pemulihan martabat guru di mata masyarakat. Integriti merujuk kepada pengetahuan, kesedaran, penghayatan dan pegangan teguh kepada nilai-nilai murni secara konsisten yang disertai komitmen sepenuhnya terhadap nilai-nilai tersebut dalam setiap perkataan dan tindakan untuk mencapai kecemerlangan diri dan organisasi (Jamiah Manap, Azimi Hamzah, Ezhar Tamam, Sidek Mohd.Noah, Amini Amir Abdullah, Norizan Yahaya, Halimah Alma Othman dan Hanina Halimatusaadiah, 2005). Nilai-nilai murni tersebut ialah nilai-nilai murni yang dikongsi bersama oleh rakyat Malaysia iaitu nilai dan etika perkhidmatan awam Malaysia. Selain itu, memartabatkan profesion keguruan adalah menjadi tanggungjawab semua pihak, sama ada daripada pihak pentadbir atau kerajaan, kalangan guru itu sendiri, anggota masyarakat mahu pun badan-badan bukan kerajaan (NGO) supaya integriti dan autoritinya sentiasa diyakini dan terpelihara. Hal ini merupakan perkara yang perlu dititikberatkan kerana sekiranya sesuatu pihak sudah tidak mempercayai dan meyakini integriti dan autoriti keguruan, maka sukarlah bagi guru untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Hasil pengajaran dan pembelajaran yang diterima pelajar pula akan dipersoalkan kesahihannya disebabkan kewibawaan profesion keguruan itu sendiri yang telah tercalar.

Sehubungan itu, pihak kerajaan mengambil inisiatif untuk memantapkan nilai integriti dengan melancarkan Pelan Integrasi Nasional (PIN) di samping pelbagai dasar kerajaan sedia ada yang telah digubal dari masa ke semasa. Pelan ini bertujuan

membangunkan masyarakat beretika dan dapat membezakan antara perkara yang betul dan salah manakala matlamat jangka panjang pelan ini adalah memenuhi cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu membentuk masyarakat yang mempunyai ciri-ciri moral dan etika yang kukuh, mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang kukuh. Integriti mempunyai petunjuk nilai yang tersendiri, yang mana antaranya ialah adil, amanah, berakauntabiliti serta telus. Al-Quran telah merakamkan peristiwa kisah Nabi Syuib a.s dengan Nabi Musa a.s, Allah firman dalam Surah al-Qasas juz 28 ayat 26 yang bermaksud,

Salah seorang daripada kedua-dua berkata : “Wahai ayah, ambillah dia sebagai pekerja, sesungguhnya sebaik-baik pekerja ialah yang kuat, lagi amanah.”

Secara mudah, al-Amin (amanah) dalam ayat di atas merujuk kepada mukmin, atau dalam istilah kontemporari al-Amin juga boleh dirujuk sebagai integriti (Pahrol Mohamad Juoi, 2010). Dalam usaha memartabatkan profesion keguruan, guru sebenarnya mempunyai peranan yang amat besar dalam mencorakkan sistem pendidikan negara. Ilmu dan amalan guru menjadi cerminan dan impak kepada tahap kualiti dan profesion keguruan. Guru perlulah mempunyai akauntabiliti yang tinggi iaitu, terhadap negara, profesion, murid-murid, ibu bapa, dan diri sendiri.

1.3 Penyataan Masalah

Pentaksiran merupakan komponen penting dalam pendidikan kerana ia memberi maklumat mengenai perkembangan murid kepada guru, ibu bapa dan murid itu sendiri. Hasil pentaksiran boleh membantu guru menilai kaedah pengajaran dan aktiviti yang dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. PBS juga merupakan satu usaha untuk membangunkan modal insan secara holistik melalui penekanan terhadap

penguasaan ilmu pengetahuan, modal intelektual, pembudayaan sikap progresif dan pengamalan nilai, etika serta moral yang tinggi seperti tercatat di dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dan Pelan Integriti Nasional (PIN).

Bagi memastikan kelicinan pelaksanaan PBS, guru seharusnya menggunakan Dokumen Standard Kurikulum yang mengandungi perkara-perkara yang patut dipelajari dan perlu disampaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran manakala Dokumen Standard Prestasi adalah rujukan utama untuk mentaksir dan mengukur penguasaan murid. Ketika inilah pelbagai persoalan yang berkait rapat dengan integriti guru semasa pelaksanaan PBS akan timbul seperti adakah guru telus semasa melaksanakan PBS. Adakah guru hanya sekadar memasukkan markah atau band murid tanpa melakukan ujian? Persoalan-persoalan inilah yang akan dirungkai melalui kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan meneliti dan mengenal pasti apakah tahap integriti guru dalam penilaian murid berasaskan KSSR dan adakah terdapat perbezaan integriti guru semasa penilaian murid berdasarkan pengalaman mengajar serta mengenal pasti usaha untuk meningkatkan integriti guru dalam proses penilaian murid berasaskan KSSR.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab beberapa persoalan kajian. Antaranya :

1. Apakah tahap integriti seseorang guru dalam penilaian murid berasaskan KSSR?
2. Apakah masalah yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan penilaian murid berasaskan KSSR?
3. Apakah usaha untuk meningkatkan integriti dalam proses penilaian murid berasaskan KSSR di sekolah?

1.5 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini ialah untuk:

- a. Mengenal pasti tahap integriti guru dalam penilaian murid berasaskan KSSR.
- b. Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan penilaian murid berasaskan KSSR.
- c. Mengenal pasti usaha untuk meningkatkan integriti guru dalam proses penilaian murid berasaskan KSSR.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang nilai integriti dalam konteks keguruan supaya dapat dikenal pasti nilai integriti di kalangan penjawat awam terutamanya guru sekolah rendah yang melaksanakan PBS. Dapatan ini juga diharapkan dapat digunakan sebagai maklumat dan input bagi pihak sekolah khususnya dan Kementerian Pelajaran amnya untuk memperkasa lagi integriti seseorang individu dalam bidang pendidikan demi menghasilkan modal insan yang membanggakan negara. Di samping itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak pengurusan sekolah untuk mengatur strategi latihan-latihan atau kursus-kursus tertentu yang diperlukan oleh para guru sekolah rendah seterusnya meningkatkan lagi profesionalisme dan integriti dalam kalangan warga pendidik.

Dalam usaha penambahbaikan kepada pentaksiran sekolah sedia ada, Pentaksiran Rujukan Standard turut diperkenalkan iaitu menggunakan Standard Prestasi untuk melihat kemajuan dan pertumbuhan pembelajaran serta pencapaian prestasi seseorang murid. Ia merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang telah dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan mengikut tahap-tahap pencapaian seperti

yang dihasratkan dalam dokumen kurikulum. Pentaksiran Rujukan Standard tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid lain tetapi melapor prestasi murid dalam pembelajaran dengan menerangkan kemajuan dan pertumbuhan serta perkembangan prestasi murid dalam pembelajaran dengan merujuk kepada penyataan standard. Murid-murid juga akan dinilai secara adil dan saksama sebagai individu dalam masyarakat berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan orang lain.

Dapatan ini akan digunakan untuk membolehkan para guru serta pihak yang bertanggungjawab mengenali, memahami, menghargai, mengiktiraf dan memuliakan anak didik sebagai insan yang berguna, penting dan mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa mengikut keupayaan dan kebolehan masing-masing.

1.7 Rasional Kajian

Kajian yang dilaksanakan ini sebenarnya memberi impak yang amat besar dalam profesion keguruan dan proses pengajaran dan pembelajaran seseorang guru. Sekiranya PBS diurus tadbir dan dilaksanakan dengan bijak, guru akan mendapati bahawa PBS sebenarnya memberi banyak manfaat dan mampu mengurangkan tekanan beban tugas guru. Sehubungan dengan itu, bagi membantu guru melaksanakan PBS dengan berkesan, akauntabiliti atau kebertanggungjawaban seseorang guru terhadap profesion perguruan, tanggungjawab terhadap negara dan tanggungjawab terhadap sekolah, masyarakat dan diri sendiri menuntut nilai integriti yang sangat tinggi harganya. Ini kerana integriti merupakan aspek yang merangkumi keikhlasan, keterbukaan, amanah, berpegang kepada prinsip, sukar dipengaruhi dan boleh dipercayai dalam melaksanakan tugas diberi.

1.8 Skop dan Batasan Kajian

Dalam kajian ini, sampel kajian dipilih daripada empat buah sekolah di sekitar daerah Pekan Tampoi. Pemilihan subjek kajian dan sekolah kajian dilakukan secara rawak.

1.8.1 Definisi Konsep dan Operasional

Menurut Mohd. Izraudin (2004), proses pembangunan diri guru merupakan program berterusan dan bersifat jangka panjang yang terancang dan dilaksanakan secara sistematik. Pembangunan diri guru ini berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan cermin bagi menilai rupa bentuk dan identiti keseluruhan budaya pendidikan negara dengan bermatlamat untuk melahirkan guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara, menjamin perkembangan individu, memelihara masyarakat yang bersatu padu, progresif serta berdisiplin. Falsafah terdiri daripada beberapa cabang ilmu yang utama seperti metafizik (teori kejadian), epistemologi (teori ilmu) dan aksiologi (teori nilai). Ketiga-tiga cabang ilmu ini digabungkan sebagai hubungan untuk menjadikan nilai sebagai asas utama dalam pendidikan (Abdul Rahman, 2005).

Dalam proses pengembangan diri setiap guru yang berteraskan FPK, ia melibatkan tiga domain utama iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Menurut Anderson (1981), domain afektif mencakupi watak perilaku seperti perasaan, minat, sikap, emosi dan nilai. Bloom (1988), telah mengkategorikan domain afektif kepada empat pengelasan iaitu penerimaan, gerak balas, penilaian dan perwatakan. Menurut Bloom, penilaian adalah merujuk kepada nilai yang diterapkan pada tingkah laku atau fenomena yang boleh

dianggap sebagai motivasi luaran yang menjadi landasan kepada setiap perlakuan yang ditunjukkan oleh individu berkenaan. Oleh sebab kajian integriti ini dibuat dalam konteks budaya keguruan di Malaysia, nilai-nilai murni bagi kajian ini adalah nilai-nilai murni yang dikongsi bersama oleh rakyat Malaysia. Nilai tersebut adalah nilai dan etika perkhidmatan awam Malaysia di mana nilai dan etika perkhidmatan awam ini terkandung dalam Tonggak Dua Belas (INTAN, 1994). Nilai dalam Tonggak Dua Belas merangkumi Etika Teras Perkhidmatan Awam, Nilai Murni Profesional, Etika Pentadbiran Awam serta Nilai dan Etika Perkhidmatan Awam. Kesemua nilai-nilai murni yang terkandung dalam Tonggak 12 tersebut dapat diklasifikasikan kepada tiga dimensi iaitu kesucian hati (bersih), amanah dan kebijaksanaan dalam berfikir dan bertindak. Dimensi-dimensi ini merupakan dimensi integriti di mana integriti ialah himpunan kualiti unggul yang wujud dalam kalangan individu dan kualiti ini berteraskan kepada prinsip berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral tinggi (PIN,2004).

Kesucian dan kebersihan hati dalam kajian ini merupakan nilai-nilai teras yang mempunyai item pengetahuan, sikap dan amalan seperti bersopan santun, baik hati, kebal salah guna kuasa dan kebal rasuah. Kesucian hati juga ialah keikhlasan yang membawa kepada prinsip budaya yang suci dan bersih. Ini bermaksud apa yang dilakukan adalah dengan niat kerana Allah baik dari segi hati, lidah dan perbuatan. Manakala, amanah merupakan satu nilai wajib yang membolehkan individu menyempurnakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan seperti berdisiplin, tekun dan bertanggungjawab. Di dalam dimensi ini juga terkandung item-item pengetahuan, sikap dan amalan. Amanah bermaksud sesuatu yang diberi kepercayaan kepada orang lain untuk melaksanakannya dan menghargai kepercayaan orang lain terhadap diri seseorang dengan melaksanakan tuntutan yang terdapat dalam kepercayaan itu. Dengan kata lain, amanah ialah tanggungjawab yang diterima seseorang yang kepadanya diberikan kepercayaan bahawa ia dapat melaksanakannya sebagaimana yang dituntut, tanpa mengabaikannya. Apabila tanggungjawab ini dilaksanakan dengan sempurna, ia merasa tenteram, aman, terselamat dan harmonis (Azlina,2008).

Kebijaksanaan dalam berfikir dan bertindak dalam kajian ini adalah merupakan satu nilai yang perlu ada dalam diri individu untuk berfikir dan bertindak dalam mencapai misi dan visi organisasi seperti optimis, berkepimpinan, sabar, kreatif dan inovatif. Kebijaksanaan amat penting bagi pembentukan dan kerja hati nurani seseorang. Kebijaksanaan adalah 'ibu' dari segala kebajikan, kebajikan yang mana seorang menyedari kewajiban moralnya dan perkara-perkara baik untuk menunaikannya. Sebab itu, apa yang bijaksana pada pokoknya adalah apa yang baik, dan kebijaksanaan adalah pengukur keadilan, penguasaan diri dan keberanian (P.William, 2009). Setiap dimensi integriti tersebut pula mengandungi sub-nilai yang dikenali sebagai komponen setiap dimensi. Item yang dibentuk mewakili sub-nilai yang ingin diukur di mana item-item setiap komponen dimensi mengandungi item pengetahuan, item sikap dan item amalan (Jamiah et. al, 2005). Dari dimensi integriti itu, soal selidik amalan nilai integriti dibina. Namun, status integriti staf hanya dapat diukur melalui Inventori Nilai Integriti yang telah disahkan. Oleh itu, inventori ditentukan dengan mengenal pasti kesahan konstruk dan kebolehpercayaannya untuk menentukan mutu alat ukur tersebut. Alat ukuran yang bermutu mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan untuk mengukur atribut atau konstruk yang ingin diukur. Sebaliknya jika kesahan adalah rendah, langkah proses teknikal pembentukan alat ukuran perlu diulangi semula sehingga memperoleh keputusan yang memuaskan.

1.8.2 Integriti

Integriti sebenarnya berasal dari istilah bahasa Inggeris yang membawa maksud keutuhan dari semua segi yang baik. Dalam bahasa Melayu, ia biasanya menjurus ke arah perwatakan seseorang. Maksud integriti mengikut Kamus Dwibahasa DBP (1985) ialah kejujuran dan ketulusan; kesempurnaan; keutuhan. Dari maksud yang didapati dari Kamus di atas, integriti adalah sifat jati diri yang merangkumi juga keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai, boleh pegang cakupnya. Integriti ialah satu bentuk

pernyataan tingkah laku individu yang agak kompleks untuk diuraikan. Justeru, integriti dalam kajian ini merujuk kepada integriti yang sepatutnya ada dalam diri seseorang guru semasa pelaksanaan penilaian KSSR. Nilai integriti ini merangkumi pengetahuan, kesedaran, penghayatan dan pegangan teguh yang bersifat konsisten dalam setiap tindakan bagi mencapai kecemerlangan diri dan organisasi.

1.8.3 Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)

PBS merupakan satu bentuk pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai kognitif (intelektual), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani). Ianya selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). PBS yang dilaksanakan pada masa kini adalah untuk mentaksir bidang akademik dan bukan akademik. Dalam konteks kajian ini, PBS merupakan pentaksiran yang dilaksanakan oleh para guru di empat sekolah rendah kawasan kajian sekitar Pekan Tampoi. Pentaksiran dan penilaian ini diterjemahkan dalam pelbagai bentuk seperti kerja rumah, projek, kuiz dan soal jawab serta dilaksanakan melalui penunjuk standard atau band.

1.8.4 Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) merupakan suatu usaha menyusun dan menambah baik kurikulum yang sedia ada iaitu Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) bagi memastikan pelajar dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan sesuai dengan zaman mereka dalam menghadapi cabaran abad ke-21. KSSR digubal dalam pernyataan standard kandungan dan pembelajaran yang tersendiri dan perlu dicapai oleh murid pada satu-satu tahap. Standard Kandungan ialah pernyataan spesifik mengenai perkara murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai, manakala Standard

Pembelajaran ialah penetapan kriteria atau petunjuk kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.

1.8.5 Guru

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), guru bermaksud pengajar, pendidik atau pengasuh. Seorang guru merupakan pembimbing dalam proses pembelajaran. Menurut Mok Soon Sang (1990) pula, guru merupakan seorang ahli masyarakat yang mempunyai perhubungan sosial yang saling berkait rapat dengan masyarakat berstatus. Guru juga merupakan tenaga ikhtisas di dalam bidang perguruan yang dipertanggungjawabkan untuk mendidik pelajar di sekolah. Guru juga sebagai anggota masyarakat, harus pandai bergaul dengan masyarakat. Oleh itu, guru harus menguasai psikologi sosial, memiliki pengetahuan tentang hubungan antara manusia dan sebagai anggota masyarakat, guru juga harus mempunyai keterampilan membina kelompok, bekerjasama dalam kelompok untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang mendatang. Selain berperanan sebagai seorang guru, fungsi seorang guru juga menuntut dirinya mempunyai kestabilan emosi, sentiasa ingin memajukan pelajar, bersikap realistik, sentiasa jujur dan amanah, terbuka menerima segala teguran, serta peka terhadap perkembangan terutamanya hal-hal yang berkaitan dengan inovasi pendidikan.

1.8.6 Pengalaman Mengajar

Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) menakrifkan pengalaman sebagai apa yang telah dialami (dirasai, ditempuh dan sebagainya) sementara berpengalaman pula membawa maksud mempunyai pengalaman yang luas. Kamus Dewan juga turut memberi maksud mengajar sebagai menyampaikan ilmu pengetahuan (kemahiran dan sebagainya) kepada orang lain, mendidik, melatih, memberikan petunjuk-petunjuk kepada orang lain, membuat seseorang melakukan atau tidak melakukan sesuatu berdasarkan pengalaman yang telah diperolehnya.

1.8.7 Penilaian Murid

Penilaian murid merupakan suatu konsep yang selalu digunakan oleh seseorang guru dalam pelbagai bidang pengajaran. Penilaian dilakukan kerana ia mempunyai matlamat yang tersendiri. Menurut Gay (1985), penilaian ialah satu proses yang sistematik semasa mengumpul dan menganalisis data bagi menentukan sama ada sesuatu objektif yang telah ditetapkan itu telah tercapai. Penilaian yang dilakukan ke atas seseorang murid perlu dijalankan secara terancang dan tersusun mencakupi aspek-aspek hasil pengajaran dan pembelajaran. Apabila seseorang guru melakukan sesuatu ujian ke atas muridnya, guru sebenarnya mengukur dan menilai pencapaian pelajar tersebut. Dalam dunia pendidikan, penilaian dapat menyelesaikan tentang pencapaian matlamat yang ditetapkan seperti menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira dalam kalangan murid sekolah rendah. Dengan memahami konsep penilaian, seseorang guru dapat merancang langkah-langkah pengajaran dengan lebih teratur bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat.

1.9 Kesimpulan

Pentaksiran pendidikan di Malaysia bertujuan mendapatkan maklumat tentang prestasi murid bagi memperkembangkan sepenuhnya potensi setiap individu sebagai modal insan yang harmonis dan seimbang selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Apa yang pasti, menerusi PBS ini ia dapat memberi gambaran bahawa sistem peperiksaan berpusat seperti UPSR, PMR, SPM mahupun STPM bukan lagi menjadi kayu pengukur penguasaan murid dalam pembelajaran. Melalui PBS dan integriti guru yang tinggi diharapkan ia mampu melahirkan murid yang lebih cemerlang dalam semua aspek kerana penilaian dilakukan bukan sahaja merangkumi bidang akademik malahan menilai juga sahsiah, sukan dan kokurikulum. Melalui nilai integriti yang tinggi dan telus oleh para guru, kebolehan murid-murid dinilai secara adil dan

saksama berdasarkan kemampuan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa membanding beza dengan orang lain. Pentaksiran yang berkualiti disokong dan didukung oleh integriti akan menghasilkan modal insan yang cemerlang dan terbilang.

BIBLIOGRAFI

Ab. Rahman Ab. Rashid, Hajah Wan Som Mamat (1995). *Bahasa Melayu: Bahasa Dalam Komunikasi Dan Proses Komunikasi*. Selangor. Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Abd. Rahim, A.R (1995) *Perkembangan Profesional Keguruan dalam Konteks Sekolah*. Paper Presented at the National Seminar of Teacher Education , UTM, Johor, Malaysia at 18 – 19 December 1995.

Abdul Rahim Hamdan (2007) . *Pengajian Kurikulum*. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.

Abdul Shukor (1998), *Fokus Pengurusan Pendidikan* . Kuala Lumpur. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Abdullah Mohd Noor. (1986). *Cabaran Profesionalisme Perguruan*. Seminar Pendidikan Kebangsaan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

Abdullah Sani Yahaya, Abdul Rashid Mohamed, Abd. Ghani Abdullah. (2007). *Guru sebagai pemimpin*. PTS Profesional.

Abdullah Sani. (2003). *Perkembangan Pendidikan di Malaysia*. Pahang. PTS Pub. & Dist. Sdn. Bhd.

- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman.(2003). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Tanjung Malim:Quantum. 55-77
- Alexander . R . (1992). *Policy and Practice in Primary Education*, London :
Routledge.
- Alexander, R Rose, J and Woodhand. C (1992) .*Curriculum Organisation and Classroom Practice in Primary Schools, A Discussion Paper*. London
: Department Education and Science
- Arends.R.I.(1994). *Learning to Teach*. Third Edition. United States of America:
McGraw Hill inc.
- Atan Long(1991). *Pedagogi : Kaedah Mengajar*. Petaling Jaya: Amiza
Publishing Sdn. Bhd.
- Atan Long. (1998). *Pedagogi Kaedah Mengajar Am. Petaling Jaya* : Fajar Bakti
Sdn. Bhd.
- Azlina Mohd.Kassim (2003). *Pengaruh Personaliti Terhadap Kepuasan Kerja Dan Stress Kerja Guru*. Jurnal Teknologi, 48(6) : 33-47
- Bahagian Penyelidikan Guru . (2003). *Memperkasa Pendidikan Guru Ke arah Pendidikan Yang Berkualiti* . Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran
Malaysia.

Bahagian Perancangan dan Pembangunan Penyelidikan . (2001). *Pembangunan Pendidikan 2001 – 2010* . Kementerian Pelajaran Malaysia.

Banks,J. (1997). *Teaching strategies for the social studies: inquiry, valuing and decision making*. Philipines : Addison-Wesley Publishing Com.

Beban Guru. Pendidik Jun 2010.

Biju Michael, Richard J. Lochrie (2010) . *Integrity: The Core of Leadership*. Tate Publishing.

Chan Yuen Fung (1990) . *Perkembangan Teknologi Maklumat dalam Pendidikan di Malaysia dalam teknologi Intruksi dan Pendidikan Bestari*. Kuala Lumpur : Sinaran Bros Sdn Bhd.

Coakes, Sheridan J., & Ong Clara. (2011). *SPSS version 18.0 for Windows: Analysis without anguish*. Australia: John Wiley & Sons Australia Ltd.

Cole, P.G. & Chan, L.K.S. (1987) . *Teaching : Principle and Practice*. New York: Prentice Hall.

Crow & Crow, terjemahan Habibah Elias (1983). *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewey,J. (1933). *How we think*. Boston : D. C Health and Company.

Esah Sulaiman (2003) *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Skudai, Johor Darul Ta'zim: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Gregory, R. J. (2007). *Psychological testing: History, principles, and applications*. Pearson/Allyn and Bacon.

Halimah Harun.(2006). *Minat, Motivasi dan Kemahiran Mengajar Guru Pelatih (Interest, Motivation and Teaching Skills of Trainee Teachers)* . Jurnal Pendidikan (UKM).

Halimatusaadiah (2005). *Pemantapan Nilai Integriti Individu sebagai Teras Pembangunan Staf Berkualiti. Membentuk Budaya Belajar dalam Organisasi*. PTS Professional Publishing.

Hassan Haris , et. al. (1993). *Masalah Pengajaran dalam pelaksanaan kurikulum sejarah KBSM*. dlm Jurnal Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. 18 : 3 – 15

Institut Tadbiran Awam Negara (1994). *Citrakarya: Falsafah, Nilai dan Etika dalam Gaya-gaya Kepimpinan dalam Pendidikan*. PTS Professional Publishing

Ismail Sidek (2009).*The understanding and implementation of values educations*.Jurnal Pendidik Dan Pendidikan.13 :86-98.

Jamiah Manap, Azizi Hamzah, Ezhar Tamam, Sidek Mohd Noah, Aini Amir Abdullah, Norizan Yahaya, Halimah Alma Othman dan Hanina

Halimatusaadiah (2005). *Pemantapan Nilai Integriti Individu Sebagai Teras Pembangunan Staf Berkualiti*. Prosiding Seminar Kebangsaan Sumber Manusia 2005. Universiti Teknologi Malaysia di Hotel Sofitel, Senai, Johor Bahru . 2-3 Februari.

J. Galen Saylor (1981). *Curriculum Planning for Better Teaching and Learning*. New York. 4th Edition.

Jemaah Nazir Sekolah. 1992 . *Laporan pelaksanaan program Bahasa Melayu KBSR*.

John W. Creswell, (2003), *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*, Sage Publications.

Kamaruddin Hj Husin. (1986). *Panduan Latihan Mengajar*. Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd. 116 – 130

Kamus Dewan (1994). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1988). *Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2000). *Buku Sumber Guru : Kajian Masa Depan* . Kuala Lumpur. Pusat Pengembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia .(2002) .*Pembangunan Pendidikan 2001 - 2010*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khalid Mohamed Nor (1993). *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Kuala Lumpur : Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd. 95 – 112

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran ,
Kementerian Pelajaran Malaysia . Kuala Lumpur . 1979.

Mahathir Mohamad , *Ucapan Perasmian Kongres Pendidikan Melayu* , dalam
Laporan Kongres Pendidikan Melayu 1 , pada 1 – 2 September
2001, di PWTC Kuala Lumpur.

Mohd Faisal Mustaffa. (2008). *Integriti dan Autoriti Profesion Guru
Tanggungjawab Bersama*. mSTAR

Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur :
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Najib Abdul Ghaffar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor :
Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd.Izraudin Ismail (2004). *Cabaran Dan Harapan Dalam Pendidikan
Menghadapi Alaf Baru*. Bahagian Pendidikan Guru.Kementerian
Pendidikan.

Mok Soon Sang (1996). *Pendidikan di Malaysia*. Edisi Ketujuh. Kuala Lumpur.
Kumpulan Budiman.

Muhammad Fuad Razali (2010). *Tugas Rencam Bebankan Guru*. Pendidik .
Jun.

Musak Mantrak . (1995) . *Ke arah Meningkatkan Martabat Pendidikan Abad
ke – 21 : Cabaran, hakikat dan harapan*. Prosiding Seminar
JKLJAU ke – 9.

Mustafar Ali (2004). *Pelaksanaan Pelan Integriti Nasional Secara
berkesan.Kolokium Pengukuhan Integriti,Institut kefahaman Islam
Malaysia . IKIM*.

Neil Postman and Charles Weingartner (1978). dlm. *Innovations in Education
: Reformers and Their Critics*. Second Edition. Boston : Allyn and
Bacon, Inc. 36 – 43.

Nik Rosila Nik Yaacob (2010). *Pendidikan Kerohanian dan Moral
Prasekolah*. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Noran Fauziah Yaakub, Ahmad Mahdzan Ayob. (1993). *Guru dan
Perguruan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan
Pustaka

Omar Mohd Hashim. (1991). *Pengisian Misi Pendidikan*. Kuala Lumpur.
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pahrol Mohamad Juoi.(2010).*Mukmin Profesional Celik Mata Hati : 7 Langkah Memperkasa Diri*. Fitrah Perkasa dan Telaga Biru

Pallant, J. (2010). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using SPSS*. Open University Press.

Paul Eggen, Donald Kauchak and Robert J. Harder (1979). *Stratgies for teachers : Information Processing Models In The Classroom*. New Jersey : Prentice-Hall International, Inc. 331 – 346

Pembangunan Pendidikan 2001 – 2010 : Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan Pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Rahimah Hj Ahmad (1993). *Pendidikan di Malaysia: Perkembangan dan Reformasi Ke Arah Masa Depan* dlm. Jawatankuasa Penerbitan Khas Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.”Pendidikan di Malaysia : Arah dan Cabaran.” Kuala Lumpur. Fakulti Pendidkan Universiti Malaya.

Rashidi Azizan & Abdul Razak Habib (1995). *Pengajaran Dalam Bilik Darjah : Kaedah dan Strategi*. Kajang: Masa Enterprise.

Saedah Siraj. (2001). *Perkembangan Kurikulum: Teori dan Amalan*. Edisi Kedua. Sungai Buloh: Alam Pintar Enterprise.

Sharifah Raudzah (2008). *Faktor-faktor yang mempengaruhi salah laku pelajar dan hubungannya dengan personaliti pelajar*. Jurnal Pendidikan.

Siri Panduan Guru Kurikulum Baru Sekolah Rendah Jilid 4: *Teknik Pengajaran dan Pembelajaran*. 1994. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Ismail Syed Mustapa, Ahmad Subki bin Miskon (2012). *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesionalisme*. Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Terowong. Pendidik. Jun 2010.

Tyler,R.W. (1990). *Prinsip Asas Kurikulum dan Pengajaran*. Terj. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Verma, J. P. (2013). *Data analysis in management with SPSS software*. Springer.

Wan Mohd Nor Wan Daud.(2003). *Budaya Ilmu: Satu Penjelasan*. Singapura, Pustaka Nasional

Yahya bin Othman.(2005). *Trend dalam pengajaran bahasa Melayu*. PTS Profesional.